

Hasrat jadi negara maju bukan untuk tindas sesiapa

KEPALA BATAS 31 Mac — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju bukan bertujuan menindas sesiapa, sebaliknya untuk melindungi haknya dan hak orang lain dari ditindas.

Katanya, Malaysia tidak akan menggunakan kekuatan untuk menindas orang lain sepertimana yang dilakukan oleh negara-negara maju terhadap negara-negara yang lemah.

Sehubungan itu, beliau menegaskan sekiranya bangsa Mela-

yu kuat dan maju, mereka bukan sahaja dapat menjaga hak bangsa sendiri, tetapi juga mampu melindungi umat Islam di negara lain yang ditindas.

Bagaimanapun bagi mencapai matlamat itu, kata Mahathir, rakyat dari segenap lapisan di negara ini perlu memegang kepada prinsip amanah kerana ia amat penting dalam susur galur kehidupan harian.

"Dalam masyarakat yang beramanah, semua kerja boleh dilaksanakan, tetapi apa yang menjadi masalah kepada kita ialah orang yang tidak memegang sifat amanah," kata Maha-

thir.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap di majlis berbuka puasa dengan penduduk di masjid Kampung Bukit Tinggi di sini, petang semalam.

Hadir sama ialah isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dan isteri, Puan Sri Azizah Haji Abdul Hamid. Kira-kira 500 orang hadir.

Perdana Menteri turut mengulangi ingatan kepada masyarakat Islam di negara ini supaya tidak menyerahkan nasib mereka kepada Tuhan semata-mata

tanpa sebarang usaha.

Ini kerana rancangan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 ialah supaya kedudukannya setanding dengan negara-negara lain kerana kemajuan sesebuah negara itu akan turut menjamin kedaulatan dan keutuhan bangsa dan agama.

Sebaliknya kata beliau, Malaysiamungkin akan dijajah semula sekiranya tidak menjadi bangsa dan negara yang maju dalam tempoh itu.

Sambil mengimbas kembali kehidupan di zaman penjajah beliau berkata, ketika itu nasib rakyat dan agama Islam tidak dipedulikan, malah kemungkinan rakyat akan dipisah dari pegangan agamanya.

Bagaimanapun, ujarnya, orang Melayu di negara ini bernasib baik kerana tidak sampai menukar agamanya sewaktu negara dijajah, jika dibandingkan dengan negara lain.

Perdana Menteri menegaskan orang Melayu di negara ini dapat mempertahankan agamanya selepas Merdeka kerana mereka berjaya membentuk satu pakatan politik untuk menyatukan bangsa.

"Apabila kita menjadi bangsa yang kuat, tidak ada sesiapa yang berani menindas kita dan kita tidak perlu takut kepada mana-mana pihak," kata beliau.

Perdana Menteri dan isteri berpulang pulang ke Kuala Lumpur malam tadi.